

Pendidikan PTV Dalam Membangunkan Tenaga Manusia Berminda Kelas Pertama

Siti Nor Atiqah Abdul Padzil¹, Rohana Hamzah² & Amirmudin Udin²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

ABSTRAK : Pendidikan teknik dan vokasional memainkan peranan yang besar dalam pembangunan tenaga manusia minda kelas pertama di dalam Malaysia. Kertas kerja ini menerangkan tentang kepentingan pendidikan umumnya dan pendidikan teknik dan vokasional khususnya juga penerapan pendidikan teknik dan vokasional dalam menghasilkan tenaga kerja manusia yang mempunyai minda kelas pertama. Fakta menunjukkan bahawa dengan pendidikan yang berkesan dapat meningkatkan penghasilan tenaga kerja manusia minda kelas pertama sekali gus memenuhi kehendak industri masa kini dan masa hadapan ia juga dapat meningkatkan ekonomi negara. Kesimpulannya, kertas kerja ini memberi beberapa cadangan untuk membangunkan minda kelas pertama dalam tenaga manusia menerusi pendidikan teknik dan vokasional yang mana tenaga manusia minda kelas pertama bukan sahaja mempunyai kemahiran tinggi juga mempunyai kemoralan yang tinggi

Katakunci : *Pendidikan PTV, Tenaga Manusia, Minda Kelas Pertama*

ABSTRACT : Technical and vocational education plays a major role in the development of human capital first class in Malaysia. This paper describes the importance of general education and technical and vocational education in particular is the application of technical and vocational education in human labor to produce a first-class mind. The facts show that the effective education to increase the production of human labor at the same time first class meet industry needs today and in future it may also increase the country's economy. Conclusion, this paper provides some suggestions for developing the first class in human resource through technical education and vocational training of manpower which is first class, not only highly skilled also has a higher morality.

Keywords : *TVE education, human capital & first class mind*

1.0 PENGENALAN

Secara sejarahnya pendidikan tinggi dan pendidikan vokasional wujud dengan arah yang bertentangan. Pengajian tinggi seperti universiti lebih menekankan ilmu saintifik yang sistematik, manakala pendidikan vokasional kepada latihan untuk pekerjaan tertentu. Hasilnya, keluaran universiti dinilai berdasarkan sumbangan peljaar pada sains (Klüver, 1995) manakala keluaran pendidikan vokasional lebih menekankan kepada keupayaan untuk mendapatkan pekerjaan yang berguna.

Suasana pengajian tinggi sentiasa berubah dan dinamik, dan Malaysia perlu mentransformasikan pengajian tingginya supaya setanding dengan negara lain. Perubahan ini akan menentukan kejayaan Malaysia dalam menterjemahkan pelan strategik jangka panjang kepada suatu tindakan penyelarasan yang saling berkaitan. Masa hadapan pembangunan sosioekonomi Negara amat bergantung kepada kejayaan transformasi pendidikan ini.

Di rantau ini sahaja, secara umumnya, Korea Selatan, Singapura, dan China terus berusaha gigih mencipta nama dan meningkatkan keupayaan institusi dan sistem pengajian

tinggi mereka. Seperti yang dinyatakan oleh Hoelscher (2005) pendidikan di German lebih berpusatkan pendidikan vokasional berbanding UK dan pendidikan vokasional ini berkaitan dengan pembangunana kemahiran yang spesifik kepada bidang pekerjaan tertentu

Malaysia tidak boleh ketinggalan dalam meningkatkan keupayaan institusi dan sistem pengajian tinggi. Untuk terus kekal kompetitif dalam suasana pasaran yang sentiasa berubah, penjanaaan keupayaan nilai tambah yang tinggi adalah diperlukan sebagai penyumbang secara langsung bagi meningkatkan kedudukan negara dalam rantaian nilai global. Ini akan membolehkan Malaysia bukan saja dapat menarik pelaburan yang bersifat nilai tambah dan berintensif pengetahuan, tetapi juga dapat menggalakkan eksport produk dan perkhidmatan hasil daripada inovasi untuk pasaran dalam dan luar negara.

2.0 PELAN TINDAKAN STRATEGIK

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara mengambil kira dua dokumen rancangan pembangunan sebelum ini, iaitu Misi Nasional dalam RMKe-9 dan beberapa kenyataan mantan Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi tentang pembangunan modal insan.

Misi Nasional memberikan penekanan yang lebih ke atas pembangunan modal insan yang mempunyai 'Minda Kelas Pertama' sebagai pendekatan utama bagi melonjak ke status negara maju, bukan hanya negara yang membangun. Lima teras utama yang disenaraikan dalam Misi Nasional menggambarkan keprihatinan Perdana Menteri dalam aspek pembangunan modal insan. Misi nasional ini mengenal pasti lima teras utama untuk membangunkan dan memakmurkan negara, iaitu:

1. Meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi;
2. Meningkatkan kapasiti pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama;
3. Menangani ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif;
4. Meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup; dan
5. Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan.

Perdana Menteri sering memperingatkan rakyat Malaysia tentang keperluan membangunkan modal insan minda kelas pertama, supaya negara tidak ketandusan para cendekiawan yang berkeupayaan untuk menghadapi cabaran dunia terutama dalam penghasilan teori baru dan penyelesaian baru. Pelan tindakan strategik ini merangkumi keseluruhan rakyat Malaysia terutama sekali pelajar, ini kerana disamping melahirkan modal insan seperti yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi kerajaan juga dapat menjana pelajar yang mempunyai minda kelas pertama.

Seterusnya, mantan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi (2006) telah menjelaskan visi ini dengan lebih lanjut dalam ucapannya dalam majlis pelancaran Kerusi Profesor Di Raja Ungku Aziz dan Pusat Pengajian Kemiskinan dan Pembangunan, tentang Malaysia 50 tahun dari sekarang iaitu:

“Dalam jangka seratus tahun ke hadapan selepas Merdeka, Negara ini akan dapat melihat masyarakatnya mencapai kejayaan di luar imaginasi. Kita akan mempunyai penerima Anugerah Nobel, syarikat bertaraf global, jenama yang terulung dan dihormati, artis dan warga seni bertaraf antarabangsa dan

mempunyai khazanah saintifik berpaten antara yang terbesar di dunia. Pelajar dan profesor kita pula akan mendominasi universiti Ivy League manakala universiti tempatan menjadi menara gading cemerlang yang menjadi tumpuan cendekiawan terulung dalam bidang pendidikan dari seluruh dunia.”


Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi (2006)

Justeru, kementerian mengambil tindakan bagi meningkatkan keupayaan institusi pengajian dan mengukuhkan sistem pengajian bagi melahirkan modal insan dengan minda kelas pertama bukan sahaja pada peringkat pengajian tinggi tetapi dimulai dengan pengajian pra-sekolah lagi. Seperti yang termaktub di dalam bidang keberhasilan utama negara (NKRA) bahawa pendidikan mesti dimulai dengan peringkat pra sekolah lagi iaitu seawal usia 4 tahun. Dengan pelbagai teras utama yang dijadikan sebagai garis panduan, sekali lagi kita membayangkan betapa dengan implikasi modal insan yang mempunyai minda kelas pertama ini akan menjanjikan sebuah tamadun yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

3.0 CIRI-CIRI ‘MINDA KELAS PERTAMA’

Negara Malaysia masih tergolong dikalangan Negara membangun, dengan kapasiti rakyat berjumlah 25,715,819 orang, Malaysia mengeluarkan sebanyak 1,326,340 orang pelajar yang mempunyai ijazah dari peringkat sijil hingga ke PhD (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009). Untuk mencapai taraf Negara maju Negara Malaysia harus lebih produktif lagi dalam menghasikan pelajar yang mempunyai pemikiran yang inovatif bukan hanya mendapat segulung ijazah tanpa membantu pembangunan Negara.

Jim Canterucci (2005) dalam bukunya ‘Personal Brilliance’ menyatakan, manusia yang berminda kelas pertama iaitu mereka yang sentiasa menjana mindanya melalui empat ciri utama iaitu:- kesedaran sendiri, ingin tahu, fokus dan inisiatif. Empat ciri yang dikemukakan oleh Jim Canterucci ini juga akan mendorong dan merangsang kesembilan intelek atau kecerdasan minda tadi untuk saling bekerjasama dalam melihat, menganalisis, menimbang, memilih dan keputusan ditunjukkan melalui tingkah laku. Secara konseptual terdapat beberapa kelas minda yang dibahagikan mengikut cirinya seperti yang dinyatakan di Rajah 1 berdasarkan pandangan Richard Paul dan Linda Elder (2001).



Rajah 1: Kelas Minda Berdasarkan Ciri

Minda kelas pertama difahami sebagai ciri-ciri modal insan yang mampu memenuhi keperluan pembangunan individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia. Ciri-ciri tersebut merangkumi aspek penguasaan ilmu yang tinggi, sikap proaktif, kekayaan moraliti, budaya menyumbang untuk kepentingan bersama, budaya membaca di semua peringkat umur dan pembangunan yang bersifat holistik. Sikap ingin tahu ini merupakan tanda mereka yang berminda kelas pertama. Mereka yang bersifat ingin tahu tidak puas mencari jawapan terhadap sesuatu berlaku kepada diri atau persekitaran. Apabila seseorang pelajar punyai sifat ingin tahu yang tinggi maka akan lebih banyak pengetahuan dicari bagi menjawab soalan itu.

Menurut Jim Canterucci (2005) manusia minda kelas pertama inilah manusia yang selalu membuat soalan yang kreatif dengan menanyakan kenapa, apa, di mana dan mengapa. Sifat ingin tahu adalah juga teras kepada tingkah laku penyayang. Sifat ini sangat penting bagi mengerak minda fikir dan minda emosi supaya membuat keputusan terbaik. Ini kerana dengan sikap ingin tahu pelajar boleh menjangkakan apa yang mereka mahu dan perlukan. Ini akan membuat tingkah laku menarik dan diterima. Kemajuan negara kita bukan hanya diukur melalui kekayaan material sahaja tetapi dari segi mentaliti dan moral yang tinggi.

Minda kelas pertama tidak akan terbentuk dalam persekitaran yang terdapat banyak budaya hedonisme, politik kotor dan rasuah. Maka program integriti diberi tumpuan termasuklah di peringkat institusi pengajian tinggi. Minda kelas pertama juga tidak akan bercambah jika ukuran ilmu hanya diasaskan kepada jenis sijil dan tahap kelayakan akademik semata-mata, tanpa mengira jumlah ilmu yang diperolehi semasa proses pembelajaran tersebut. Persekitaran yang merangsang pembangunan minda kelas pertama mengariskan ukuran ilmu dan pencapaian kepada kegigihan, semangat, sumbangan teguh, budaya dan gaya hidup berasaskan kepentingan nilai ilmu.

Namun demikian, dalam konteks minda kelas pertama, semua pihak perlu melakukan pembaikan, inovasi, penyelidikan dan reka cipta dalam bidang masing-masing. Inovasi tidak terbatas kepada peringkat ilmu yang memerlukan pengetahuan pada peringkat PhD dengan penemuan-penemuan baru sahaja. Jauhkan diri kita dari sikap kelas minda ketiga iaitu malas bekerja, suka berlengah, membuang masa, tiada berhemat, kerja sambil lewa, tidak bersemangat dan leka dan sebagainya. Sejarah sains dan teknologi di Eropah, dan sebelumnya dalam tradisi intelektual dunia Islam dahulu menunjukkan bahawa penemuan-penemuan penting tidak hanya dilakukan oleh ahli akademik di institusi pengajian tinggi sahaja, malah dilakukan juga oleh golongan pedagang, mekanik dan petani. Adik beradik Wright, peniaga basikal misalnya, merekacipta kapal terbang pertama di dunia. Begitu juga dengan Thomas Edison, pencipta pelbagai jenis peranti dan lampu, yang merupakan seorang usahawan. Tokoh Islam seperti al-Kindi, al-Farabi, Ibn Tufayl dan Ibn Rushd mempunyai kerjaya sendiri, tetapi mampu menggoncang dunia dengan sumbangan mereka.

Sehubungan itu juga, dengan penguasaan ilmu ini kita akan semakin terdedah kepada bidang sains, penyelidikan dan inovasi yang juga merupakan salah satu kaedah berkesan dalam penghasilan minda kelas pertama. Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai mentaliti yang bijak pandai serta kemantapan moral yang tinggi, kita seharusnya mampu memahami bahawa keperluan dan cabaran global ini berteraskan kepada pembentukan modal insan yang berpengetahuan serta berinovasi tinggi. Kualiti modal insan yang bermutu tinggi menjadi peneraju kepada kekayaan intelek dan potensi negara. Bahkan, ianya meliputi aspek akhlak mulia, nilai murni, budi bahasa, integriti, beretika dan mengikut norma sebagai masyarakat timur.

4.0 PENERAPAN MINDA KELAS PERTAMA DALAM PTV

Secara tipikalnya, sekolah teknik dan vokasional dibina di Malaysia untuk pelajar yang kurang cemerlang dalam pendidikan tetapi lebih berminat dalam kemahiran yang diperlukan dalam pekerjaan. Dalam kerangka sumber manusia, pendidikan umum akan mencipta sumber manusia yang umum manakala pendidikan teknik dan vokasional akan mencipta sumber manusia yang spesifik (Becker, 1964). Tetapi, pada masa kini sumber manusia untuk pekerjaan amat mementingkan pekerja yang seimbang dari segi mental dan kemahiran jadi dengan tertubuhnya sekolah teknik dan vokasional yang menggabungkan kedua-dua elemen tersebut amat bersesuaian dengan perkembangan industri Negara.

Lebih-lebih lagi pendidikan vokasional diwujudkan untuk membantu dalam perkembangan 'skill culture' atau budaya kemahiran dan tanggapan terhadap kerja manual, ini berbeza dengan budaya pendidikan umum yang lebih berminat dengan pekerjaan berkolar putih. Pendidikan vokasional merangsang penggunaan tangan dan minda dalam praktikal dan teori (Grubb, 1985, p. 548). Dengan menyedari bahawa pendidikan teknik dan vokasional ini banyak menyumbang kepada sumber tenaga kerja dalam Malaysia, ada beberapa transformasi penting yang perlu dilaksanakan melalui pendidikan teknik dan vokasional untuk menghasilkan pelajar minda kelas pertama.

Pertama, menerap nilai-nilai luhur melalui pendidikan teknik dan vokasional. Sebuah masyarakat yang memiliki minda kelas pertama adalah masyarakat yang berilmu pengetahuan, berdaya saing, dan mempunyai budaya pencapaian tinggi (high performance), berintegriti dan mempunyai nilai-nilai moral yang tinggi. Di dalam subjek teknik dan vokasional ini setiap guru perlu memainkan peranan yang sangat besar sebagai pembimbing atau fasilitator kepada pelajar supaya pelajar dapat memahami perkara utama yang perlu dipelajari. Pendidikan dan latihan guru pula perlu ditekankan untuk melahirkan guru-guru berkualiti, bertanggungjawab dan bangga menjadi pendidik. Guru bukan wujud untuk menyampaikan segala ilmu kepada pelajar, tetapi bersama-sama dengan pelajar mencari ilmu dan menambah ilmu pelajar yang kurang dimana-mana. Dengan adanya penglibatan guru bersama pelajar dalam proses pencarian ilmu ini dapatlah mewujudkan budaya berdaya saing secara sihat.

Bagi merealisasikan misi ini kita perlu melaksanakan penambahbaikan sistem pendidikan teknik dan vokasional secara menyeluruh daripada peringkat sekolah rendah sehingga peringkat tertiar. Globalisasi dan liberalisasi ekonomi telah mengubah landskap serta ekosistem pengajian tinggi secara drastik. Cabaran dalam pengajian tinggi menuntut perubahan secara dinamik bagi pembentukan kurikulum, kaedah pengajaran, perluasan akses dan mobiliti pengetahuan, memenuhi keperluan kualiti dan piawaian antarabangsa serta pencapaian hasil penyelidikan dan inovasi

(Utusan Malaysia Online, 2009).

Langkah-langkah ini juga perlu diambil untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar di sekolah, terutamanya pelajar luar bandar. Dengan penambahbaikan kurikulum dan kemudahan bagi subjek pendidikan teknik dan vokasional ini, pelajar akan merasa lebih bersemangat lagi untuk menambah ilmu dan membudayakan budaya cintakan ilmu yang juga menjadi salah satu ciri pelajar minda kelas pertama.

Subjek pendidikan teknik dan vokasional dapat membangunkan minda kelas pertama di kalangan generasi muda supaya mereka boleh membawa negara ini bergerak maju dengan jayanya dalam abad ke-21. Proses pengajaran dan pembelajaran subjek ini perlu menerapkan nilai-nilai integriti, jujur, semangat untuk berkongsi dan prihatin di kalangan pelajar. Selain itu, dengan mengadakan lebih banyakkamal dan bengkel untuk pembangunan kemahiran,

latihan dan pembelajaran kepada tenaga buruh pada setiap peringkat dan umur termasuk kemahiran penggunaan ICT, misi ini boleh dicapai dengan menambah wujud lebih banyak lagi sekolah dan pusat kemahiran teknik dan vokasional.

Keupayaan dan keberkesanan sesuatu latihan untuk melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran perlu ditingkatkan dengan membanyakkan institusi latihan awam, menambah kursus lanjutan dalam bidang-bidang teknikal, serta menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam bidang latihan teknikal untuk membanyakkan lagi latihan industri yang terus berkaitan dengan keperluan industri terhadap pelajar minda kelas pertama. Pengambilan pelatih teknikal juga perlu ditambah lagi agar misi ini dapat direalisasikan.

Dalam menjana minda kelas pertama dalam kalangan pelajar, tugas sebagai guru adalah sangat dekat dengan pelajar. Dalam menjana pelajar yang berpengetahuan dan intelektual yang merupakan ciri minda kelas pertama, guru digalakkan menggunakan kaedah percambahan minda atau slot brainstorming. Seperti di dalam subjek teknik dan vokasional terdapat sub topik seperti rekacipta dan inovasi, guru boleh mengemukakan isu-isu beraras tinggi seperti projek yang dapat memudahkan urusan seharian, projek penjimat masa, dan sebagainya setiap kali sebelum sesi pembelajaran bermula. Mereka akan mengeluarkan pendapat apabila disoal secara spontan. Keadaan ini menjadikan mereka sentiasa bersedia dengan pengetahuan dalam pelbagai isu yang akan diajukan kepada mereka.

Selepas itu guru akan mengemukakan pendapat bagi memberi ulasan atau penggulungan bagi setiap pendapat yang dikemukakan oleh pelajar. Hasil daripada aktiviti ini akan menyebabkan para pelajar mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang-bidang tertentu dan secara langsung dapat memantapkan mereka dengan lebih cepat berbanding usia sebenar mereka. Suatu masa nanti pelajar akan menjadi pemimpin yang berilmu pengetahuan tinggi dan mampu menyelesaikan masalah dengan lebih efisien, bermoral, tidak mementingkan diri sendiri. Apabila mereka berpengetahuan dan mempunyai daya intelektual yang tinggi, mereka akan mengambil inisiatif untuk memajukan diri dan negara tanpa memudaratkan pihak-pihak tertentu.

Sehubungan itu, inisiatif RMK-9 untuk meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan berkualiti pada semua peringkat perlu dilaksanakan dengan sebaiknya. Inisiatif ini diharap dapat membuka mata dan minda agar lebih proaktif, dinamik dan berpengetahuan untuk melakukan pembaikan dan inovasi, di samping pemantapan asas akhlak dan keinsanan yang kukuh. Tidak terkecuali juga bidang pengurusan pelajar dari segi kepimpinan. Ciri yang setiap guru perlu terapkan di dalam diri pelajar ialah ciri kemantapan kepimpinan. Kemantapan kepimpinan bermaksud mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang baik dan berkesan. Seperti contoh di dalam bengkel seorang pelajar dilantik menjadi ketua kumpulan yang mengetuai kelas tersebut dan di dalam setiap kumpulan kecil juga dilantik seorang ketua dan pembantu. Ini dapat melatih ciri kepimpinan pelajar sekali gus memantapkannya setelah bekerja nanti.

Walaupun pendidikan teknik dan vokasional ini lebih kepada 'hands on' tetapi sebagai pelajar yang akan menjadi pemangkin kepada tenaga manusia akan datang pelajar juga perlu dimantapkan dari segi 'minds on'. Francis Bacon (1561-1626), penulis dan ahli falsafah British dalam koleksi esei berjudul *Selections* yang diterbitkan pada tahun 1597 yang amat relevan dalam konteks ini, iaitu:

"Membaca menjadikan seseorang itu lengkap (dengan ilmu), berdiskusi itu menjadikan seseorang itu bersedia, dan menulis itu menjadikan seseorang itu tepat".

Francis Bacon (1561-1626)

Budaya membaca di kalangan pelajar Malaysia masih di peringkat tidak memuaskan lagi, seperti contoh kita lihat budaya membaca di kalangan penduduk London. Budaya membaca yang sudah tertanam utuh di dalam diri mereka. Mereka membaca pelbagai jenis bacaan, daripada bahan bacaan mudah yang dijual di tepi-tepi jalan kepada bahan bacaan intelektual yang tinggi. Budaya inilah yang menyebabkan penduduk di kota London khususnya dan penduduk England amnya maju dengan begitu pantas.

Pemikiran ilmu berkembang begitu pantas dan pemikiran mereka adalah begitu tajam dan kritis disebabkan oleh sikap mereka yang cintakan membaca. Ini amat jauh dari budaya masyarakat Melayu yang lebih suka melepak dari membaca. Guru perlu bersama-sama pelajar merungkai isu-isu yang memerlukan pemikiran bertahap tinggi, dengan itu pelajar-pelajar akan dilatih membaca bahan-bahan bacaan beintelektual tinggi yang kebanyakannya di dalam bahasa inggeris. Di samping dapat menambah ilmu pengetahuan penguasaan bahasa inggeris pelajar juga akan meningkat. Ini kerana keperluan industri masa hadapan lebih mementingkan tenaga manusia yang dapat menguasai dwi bahasa selain bahasa kebangsaan.

5.0 KESIMPULAN

Kebanyakan negara membangun sedar tentang kepentingan pembangunan tenaga manusia minda kelas pertama. Ia adalah dari sistem pendidikan yang berkesan dan membudayakan ilmu. Kerajaan juga telah melabur sejumlah besar wang untuk memastikan sistem pendidikan bukan hanya menyampaikan ilmu dan kemahiran sahaja tetapi turut menerapkan nilai, idea, tingkah laku bermoral tinggi, dan aspirasi kepada pelajar di mana ianya bagus untuk pembangunan negara. Sebagai tambahan kepada perancangan tenaga manusia, ibu bapa berpendapat di era yang amat mementingkan tenaga manusia berkemahiran tinggi dan minda kelas pertama, pendidikan yang diterima oleh pelajar akan memastikan peluang mereka menjadi sumber tenaga manusia minda kelas pertama yang amat di perlukan industri .

Untuk menyumbang kepada pembangunan dan ekonomi Negara, pendidikan teknik dan vokasional haruslah berkualiti tinggi dan juga mampu memenuhi tuntutan industri dalam menghasilkan tenaga manusia minda kelas pertama. Pelbagai pihak termasuk kerajaan dan ibu bapa perlu mengurangkan campur tangan mereka dalam menentukan hala tuju anak-anak mengikut acuan dan harapan mereka tanpa memperdulikan kemahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh anak-anak.

Kerajaan juga harus mengambil langkah drastik dalam menerapkan pendidikan untuk menghasilkan tenaga kerja minda kelas pertama dengan lebih mementingkan kecekapan polisi dari hanya omong kosong sahaja. Hanya ia perlu dengan sokongan serta azam masyarakat semua agar usaha murni ini dimulakan sebagai budaya pembangunan masyarakat dan peneraju ke arah pembinaan tamadun manusia yang benar-benar berjaya. Mulai sekarang, mulakan azam baru kita untuk berkorban demi kesejahteraan agama, bangsa dan negara. Azam yang kita tanamkan secara langsung akan menjadi sumbangan bagi pembangunan jangka masa panjang diri dan negara. Lengkapkan diri dengan 'Minda Kelas Pertama' agar kita menjadi modal insan unggul dan tenaga manusia yang terlibat dengan segenap pembangunan negara.

Sebagai rumusannya, untuk membangunkan modal insan dalam tenaga manusia yang mempunyai minda kelas pertama, program dan perancangan yang sistematik diperlukan. Semua pihak perlu ada menyediakan program dan perancangan pembangunan minda di semua peringkat masyarakat. Justeru itu usaha pembelajaran sepanjang hayat dan kajian berintelektual tinggi yang dilakukan di peringkat sekolah lagi dapat menjana tenaga manusia minda kelas pertama.

RUJUKAN

- Becker, G.S. (1964) *Human Capital*. New York: National Bureau of Economic Research.
- Canterucci J. (2005). *Personel Brilliance. Mastering the Everyday Habits that Create a Lifetime of Success*. New York Amacom .
- Bacon, Francis, *Essays* (2nd edition - 38 essays)(London, 1612).
- Garba, P.K (2002) *Human Capital Formation, Utilization and the Development of Nigeria*. Selected Papers for the 2002 Annual Conference of the Nigeria Economic Society. (NES).Ibadan. Polygraphics Ventures Ltd.
- Grubb, W.N. (1985) The Convergence of Educational System and the Role of Vocationalism. *Comparative Education Review* 29 (4): 526-548.
- Hoelscher (2005). *Vocational Content in Mass Higher Education? Responses to the Challenges of the Labour Market and the Work-Place*, Bonn, 8 – 10 September 2005
- Klüver, Jürgen (1995): Hochschule und Wissenschaftssystem. In: Ludwig Huber (Ed.): *Ausbildung und Sozialisation in der Hochschule*. Bd. 10, Enzyklopädie Erziehungswissenschaft. Herausgegeben von Dieter Lenzen. Stuttgart: Klett-Verlag, p. 78–91
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2009)
- Merlevede, P. E., Bridoux D. & Vandamme R. (1997, 1999, 2001, 2003). *7 Steps to Emotional Intelligence*. USA : Crown House.
- Paul R. & Elder L. (2001). *Critical Thinking. Tools for Taking Charge of Your Learning and Your Life*. New Jersey : UpperSaddleRiver.
- Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007-2010 (2007)
- Schultz, T.W. (1971) *Investment in Human Capital*. New York. The Free Press.
- Tilak, J.B.G.(2001) *Building Human Capital in East Asia*. Washington DC: World Bank Institute.
- Utusan Malaysia online (2006) *Memupuk minda kelas pertama melalui pembacaan*.